

EVOLUSI UNDANG-UNDANG TANAH ADAT DI NEGERI SEMBILAN

(*The Evolution of Customary Land Law in Negeri Sembilan*)

*Noraziah Abu Bakar*¹
noraziah@uitm.edu.my

*Ikmal Hisham Md Tah*²
ikmal@uitm.edu.my

*Mohd Nazim Ganti Shaari*³
mohdn045@uitm.edu.my

Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam,
Malaysia.^{1, 2 & 3}

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Noraziah Abu Bakar, Ikmal Hisham Md Tah, & Mohd Nazim Ganti Shaari. (2025). Evolusi undang-undang tanah adat di Negeri Sembilan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(2), 341–358. [https://doi.org/10.37052/kanun.37\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/kanun.37(2)no7)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(*This article has gone peer review process*)

Peroleh: <i>Received:</i>	8/4/2025	Semakan: <i>Revised</i>	15/6/2025	Terima: <i>Accepted:</i>	3/7/2025	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	31/7/2025
------------------------------	----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	----------	---	-----------

Abstrak

Undang-undang tanah di Malaysia digubal berdasarkan sistem Torrens yang pendaftaran ialah prinsip utama yang memberikan hak kepemilikan terhadap tanah yang tidak boleh disangkal. Secara umumnya, Kanun Tanah Negara [Akta 828] memperuntukkan proses pemberian milikan dan pendaftaran hak milik kepada tuan tanah supaya hak milik tersebut tidak boleh disangkal oleh mana-mana pihak. Pemilikan ini meliputi semua jenis tanah di sempadan negeri. Negeri Sembilan yang mengamalkan sistem Adat Perpatih juga tertakluk pada Akta 828. Walaupun begitu, Seksyen 4(2) Akta 828 mengiktiraf undang-undang yang dipusakai dan undang-undang tersebut masih relevan bagi masyarakat setempat. Undang-undang Adat Perpatih diterima sebagai undang-undang tanah yang masih diamalkan di Negeri Sembilan yang masih mengekalkan sistem perundangan dan sistem pentadbiran tanah adat. Pentadbiran

tanah adat berdasarkan undang-undang lisan melalui Datuk Lembaga dikanunkan di bawah Enakmen Tanah Adat 1948 (CTE). Untuk urus niaga tanah adat, CTE memperuntukan persetujuan yang perlu diberikan oleh Dato' Lembaga. Namun begitu, tiada peruntukan jelas tentang cara persetujuan ini diberikan dan tiada istilah yang jelas untuk pembangunan tanah seperti yang dinyatakan dalam Akta 828. Apabila tiada peruntukan yang jelas berkaitan dengan pembangunan tanah dan proses urus niaga, pemilik tanah adat sukar untuk memajukan tanah adat dan mendapat hasil daripada pemilikan tersebut.

Kata kunci: Pendaftaran, hak milik yang tidak boleh disangkal, pembangunan tanah undang-undang Adat Perpatih, urus niaga

Abstract

Land law in Malaysia is based on the Torrens System, where registration serves as the core principle that grants indisputable ownership rights over the land. Generally, the National Land Code [Act 828] governs the process of land ownership and registration, ensuring that ownership is secure and cannot be challenged by any party. This ownership covers all types of land within state boundaries. Negeri Sembilan, which practises the Adat Perpatih system, is also subject to Act 828. However, Section 4(2) of Act 828 recognises inherited laws that remain relevant to local community. The Adat Perpatih legal system is accepted as a land law still practised in Negeri Sembilan, preserving both its customary legal system and administration of Customary Land. The administration of Customary Land is based on oral law upheld by the Dato' Lembaga and has also been codified under the Customary Tenure Enactment 1948 (CTE). For transactions involving Customary Land, the CTE provides that approval must be given by the Dato' Lembaga. However, there is no explicit provision on how this approval is to be given and no clear terms for land development, such as stated in Act 828. When there are no clear provisions related to land development and transaction processes, it becomes difficult for the owners of Customary Land to develop the land and gain benefits from such ownership.

Keywords: Registration, indisputable ownership, Adat Perpatih law, transactions, land development

PENDAHULUAN

Malaysia sebuah persekutuan yang terdiri daripada 13 negeri dan Wilayah Persekutuan yang satu daripadanya ialah Negeri Sembilan. Undang-undang

tertinggi negara ialah Perlembagaan Persekutuan dan setiap negeri mempunyai perlembagaan atau dikenali sebagai Undang-undang Tubuh Negeri. Perkara 73(b) Perlembagaan Persekutuan (selepas ini dirujuk sebagai PP) memberikan kuasa kepada Dewan Undangan Negeri berkaitan negeri yang tertakluk di bawah Jadual Kesembilan menurut Perkara 74(2) PP. Senarai Kedua dalam Jadual Kesembilan memperuntukkan bahawa tanah berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri (Abd Aziz Bari, 2016). Oleh itu, sebarang undang-undang berkenaan dengan urusan dan penggunaan tanah adat di Negeri Sembilan perlu merujuk sumber perundangan Perlembagaan Persekutuan dan Negeri Sembilan, seperti Undang-undang Tubuh Negeri Sembilan (Makiah Tussaripah Jamil, 2012).

Undang-undang Tubuh Negeri Sembilan (UUTNS) merupakan Perlembagaan Negeri yang menggabungjalinkan undang-undang moden dengan Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan (Harding, 1996). Dalam Fasal 16 UUTNS, dinyatakan bahawa Dewan Keadilan dan Undang berperanan untuk menasihati menteri besar dalam perkara yang melibatkan undang-undang adat di Negeri Sembilan. Seterusnya, Fasal 32 menyatakan bahawa peruntukan khas mengenai peraturan adat yang diamalkan tidak boleh bercanggah dengan peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Negeri. Dalam hal ini, undang-undang Adat Perpatih di Negeri Sembilan dijaga dan diurus dengan baiknya di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri (Nur Amirah Azaldin & Mat Noor Mat Zain, 2018). Undang-undang ini juga merangkumi keperluan supaya tanah adat dijaga secara baik dan sistematik agar undang-undang tanah adat ini terus terpelihara dan tidak hilang seiring dengan masa. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk menerangkan evolusi undang-undang tanah adat yang terdapat di Negeri Sembilan, serta isu dan cabaran semasa dalam perkembangan undang-undang ini. Untuk mencapai objektif tersebut, pengkaji menerapkan kaedah doktrinal undang-undang, termasuklah falsafah undang-undang dan adat, yang bersifat kualitatif. Selain kajian kepustakaan, kajian lapangan, termasuklah temu ramah pihak berkaitan juga dilaksanakan bagi mendapatkan pandangan alternatif yang berkaitan dengan aplikasi undang-undang dalam konteks semasa.

KAJIAN LEPAS

Peruntukan yang berkaitan dengan tanah adat dinyatakan dengan jelasnya dalam Perkara 90 Perlembagaan Persekutuan yang memberikan kuasa kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk menentukan pemindahan hak milik

atau pemajakan tanah adat dan kepentingan terhadap tanah adat tersebut. Dengan berdasarkan Seksyen 5 Akta 828, definisi “tanah” merujuk mana-mana kawasan tanah yang terletak di Malaysia, termasuklah semua jenis tanah yang mempunyai hak milik, tetapi tidak termasuk laut dan mana-mana kawasan yang dikecualikan oleh undang-undang. Kanun Tanah Negara 1965 merupakan undang-undang tanah rasmi di Semenanjung Malaysia dan menetapkan definisi syarat dan peraturan mengenai hak milik dan pengurusan tanah. Peruntukan tentang tanah adat ini tidak dijelaskan secara nyata dalam Akta 828, namun terdapat secara spesifik dalam enakmen yang berkaitan dengan tanah adat di Negeri Sembilan.

Menurut Mualimin Mochammad Sahid (2018), harta tanah di bawah sistem Adat Perpatih bersandarkan nasab ibu yang dikenali sebagai sistem matrilokal, iaitu hanya perempuan yang boleh didaftarkan sebagai tuan tanah. Dari sudut undang-undang, pegangan tanah sistem matriarki atau Adat Pepatih terpakai di daerah Kuala Pilah, Rembau, Jelebu dan Tampin. Pada tahun 1909, Enakmen Tanah Adat (CTE 1909) diluluskan dan dikuatkuasakan di empat daerah tersebut. Seperti yang diperuntukkan dalam CTE (Negeri Sembilan, 1909), pendaftaran dilakukan di Mukim (subdaerah) Daftar. Tambahan pula, hak milik tanah tersebut hendaklah disahkan dengan kata “Tanah Adat” (Adibah Awang & Shahidah Mohd Ariff, 2009). Secara tidak langsung, CTE 1909 ini berkuat kuasa bersama-sama Undang-undang Tanah Rezab Melayu. Kehidupan masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih yang menekankan kepentingan tanah dan sawah ini dimulai dengan proses menanam padi yang dinyatakan dalam perbilangan adat, iaitu “dibuat sawah godang sekangkang kera, makanan orang tiga luak, lepas ke rantau hingga ke pesisir”. Hasil sawah tersebut diagihkan sesama anak buah yang terlibat secara muafakat bersama (Mohd Rosli Saludin & Ahmad Bazri Mokhtar, 2022). Tanah adat bagi pengamal Adat Perpatih merupakan harta yang dijaga dan dipelihara hak dan keistimewaannya dan wanita dijadikan tuan tanah berdaftar untuk menjamin kesinambungan tanah adat ini. Dalam masa yang sama, tanah ini tidak dibenarkan untuk dijual, dipindah milik atau digadaikan tanpa mengikut syarat yang telah ditetapkan (Nur Amirah Azaldin & Mat Noor Mat Zain, 2018). Abd Murad (2017) menyatakan bahawa tanah adat ialah harta pusaka yang menjadi hak suku tertentu dan perempuan ialah pengembang zuriat satu-satu suku dan pemegang amanah bagi harta tersebut. Azima Abdul Manaf (2009) menjelaskan bahawa peraturan tanah adat menetapkan wanita dalam sesuatu suku sebagai pewaris tanah adat dan tanah ini tetap dianggap sebagai milik suku

berkenaan, bukan hak milik mutlak individu. Kepercayaan ini diberikan kepada wanita bagi menyatukan ahli keluarga dan menjaga warisan tanah pusaka.

Tanah di bawah Adat Perpatih terdiri daripada tanah bawaan, tanah harta sepencarian dan tanah bujang (Nabilah Yusoff, 2015). Menurut Mat Noor Mat Zain et al. (2022), semua kategori harta ini berlandaskan pembahagian hukum Islam, iaitu faraid. Menurut Azima Abdul Manaf (2009) pula, tanah adat yang menjadi tanah pusaka warisan sahaja yang diberikan kepada perempuan. Menurut Makiah Tussaripah Jamil (2012), jika tiada anak perempuan untuk mewarisi tanah pusaka itu, anak lelaki dibenarkan untuk mengusahakan tanah itu selagi hidup, tetapi perlu diserahkan kepada perut yang lainnya di belah ibu daripada suku yang sama setelah anak lelaki itu meninggal dunia. Nadzan Haron et al. (2010) menjelaskan kedudukan lelaki yang masih dibenarkan untuk mengusahakan dan makan daripada hasil tanah adat itu. Lelaki juga boleh diiktiraf sebagai penghuni sepanjang hayat terhadap tanah adat. Hal ini bermakna bahawa nama waris lelaki, sama ada yang terdiri daripada anak lelaki atau saudara lelaki sebu sebaik boleh didaftarkan dalam geran sebagai penghuni sepanjang hayat, di samping waris wanita yang hidup yang didaftar sebagai pemilik harta tanah adat tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana adat melarang waris lelaki daripada mewarisi tanah pusaka, bukannya melarang waris lelaki daripada mengambil hasil daripada tanah tersebut.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pemakaian adat resam dalam kalangan suku kaum atau mana-mana komuniti merupakan fenomena yang menarik untuk dikaji dalam aspek sejarah dan kaitannya dengan undang-undang moden. Menurut Malinowski (1922), mana-mana suku terlebih dahulu mempunyai adat resamnya sendiri yang wujud lama sebelum kewujudan undang-undang daripada kerajaan. Ibnu Khaldun seperti yang dinyatakan dalam Aimi (2020) berpandangan bahawa pengaruh adat resam dan budaya suku kaum dapat membentuk seseorang individu. Hal ini menunjukkan kepentingan adat resam dan pengaruhnya untuk mencorakkan tingkah laku seseorang individu. Savigny (1831) pula menyatakan bahawa undang-undang tidak terbit dari atas, tetapi daripada adat suku kaum itu sendiri. Undang-undang itu wujud secara semula jadi melalui semangat dan cara hidup sesuatu kaum. Maka, secara logiknya, sekiranya sesuatu adat yang tidak bertulis itu dikanunkan (dihadkan undang-undang secara

bertulis), tidak akan ada sebarang percanggahan atau kelainan dengan adat itu sendiri. Sebaliknya, Maznah Muhammad (2016) berpandangan bahawa CTE yang mengkanunkan adat berkenaan dengan penggunaan tanah adat di Negeri Sembilan menimbulkan beberapa masalah yang tidak bertepatan dengan semangat, inti pati dan falsafah Adat Perpatih itu sendiri.

Enakmen Tanah Adat sebagai Pengawal Selia Tanah Adat di Negeri Sembilan

Struktur organisasi dalam sistem Adat Perpatih dibina berdasarkan sistem bertingkat atau sistem piramid, iaitu pemilihan pemimpin dalam adat ini bermula daripada anak buah sehingga puncaknya, iaitu Yamtuan (Fakhru Razi Maamor & Basitah Taif, 2019). Menurut pengkaji itu, pemilihan ini bermula daripada ketua keluarga dalam kalangan lelaki; kemudian Ketua Perut, Buapak, Lembaga, Penghulu Luak dan akhir sekali ialah Yamtuan atau Yang Di-pertuan Besar. Setiap pemilihan pemimpin dilakukan secara muafakat atau musyawarah, seterusnya penentuannya dilakukan secara demokrasi atau ijmak.

Dari aspek undang-undang, hanya hak milik tanah yang telah didaftarkan sebagai “customary land” (tanah adat), tanah warisan atau tanah pusaka di pejabat tanah sahaja yang diiktiraf dianggap sebagai tanah adat yang sah dan menggunakan CTE (Norhalim Haji Ibrahim, 1984). Istilah “customary land” terhadap tanah adat ditulis untuk memudahkan pentadbir British memungut cukai. Di samping konsep pemilikan tanah adat yang berdasarkan perbilangan yang dipelihara melalui Lembaga, CTE diperkenalkan untuk memperkenalkan undang-undang khas bagi pemilikan tanah adat (Nadzan Haron et al., 2010). Enakmen Tanah Adat 1909 digubal untuk menghalang penjualan tanah pusaka kepada orang yang berlainan suku dan bangsa lain (Adzidah Yaakob et al., 2017). Penggubalan ini adalah untuk daerah Kuala Pilah dan Tampin. Dalam Seksyen 3, diperuntukkan peruntukan yang memastikan pemilik tidak melakukan sebarang urus niaga yang bertentangan dengan adat. Urus niaga tanah mesti mendapat persetujuan Lembaga suku yang berkaitan dan transaksi tersebut dilakukan di hadapan Lembaga dan Pemungut, serta disahkan oleh Pemungut bahawa prosiding transaksi memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh CTE 1909. Dalam CTE 1909, dijelaskan lagi bahawa transaksi penjualan atau gadaian tanah adat dengan pihak luar tidak boleh dilakukan tanpa terlebih dahulu ditawarkan kepada anggota

suku dalam mukim yang berkaitan dengan cara mengeluarkan notis dalam tempoh sebulan dalam mukim di mana tanah itu berada. Dengan berdasarkan peruntukan ini, jelaslah bahawa tuan tanah berdaftar hanya berfungsi sebagai pemilik berdaftar yang perlu mendapat persetujuan daripada Lembaga.

Undang-undang tanah adat seterusnya ialah Enakmen Tanah Adat Cap 215 (CTE Cap 215) yang digunakan untuk mentadbir tanah adat di daerah Kuala Pilah, Jempol, Jelebu, Rembau, Tampin dan daerah kecil Gemas. Dari segi pentadbiran, CTE Cap 215 meliputi wilayah Adat Luak Tanah. Mengandungi iaitu Luak Ulu Muar, Luak Jempol, Luak Terachi, Luak Inas dan Luak Gunung Pasir, serta turut merangkumi Luak Jelebu, Luak Rembau, Wilayah Adat Tengku Besar Tampin, Luak Gemencheh dan Wilayah Adat Penghulu Pusaka Air Kuning (Adzidah Yaakob et al., 2017). Enakmen Tanah Adat Cap 15 ini tidak terpakai bagi daerah Seremban dan Port Dickson kerana kedua-dua daerah tersebut tidak mempunyai tanah adat (Lembaga Muzium Negeri Sembilan seperti yang dinyatakan dalam Adzidah Yaakob et al., 2017).

Seksyen 7(1) CTE Cap 215 secara jelas memperuntukkan bahawa tiada tanah adat atau apa-apa kepentingan di dalamnya yang dibenarkan untuk dipindah milik atau dipajak kepada mana-mana orang, selain ahli wanita yang merupakan satu daripada suku yang termasuk dalam Jadual B. Larangan ini menyeluruh dalam apa-apa juga bentuk transaksi dengan orang luar, sama ada Melayu atau bukan Melayu, dan hanya boleh dipindah milik kepada kaum wanita daripada suku berkaitan. Seksyen 4 memberikan kuasa pengendorsan kepada Pemungut dalam dua keadaan, sama ada melalui siasatan atas inisiatif sendiri, atau atas permintaan mana-mana pihak yang berkepentingan, setelah beliau berpuas hati bahawa tanah berkaitan “telah diduduki dan tertakluk pada adat”, serta berdaftar di bawah nama anggota perempuan suku berkaitan. Pemungut juga boleh membuat pengendorsan tanah adat terhadap tanah yang diberikan milik oleh kerajaan kepada seorang perempuan anggota suku dengan izin dan persetujuan tuan tanah dan penerimanya (Adzidah Yaakob et al., 2017). Nadzan Haron et al. (2010) juga berpandangan bahawa dalam konteks ini, tanah carian juga boleh diklasifikasikan sebagai tanah adat sekiranya tuan tanah membuat permohonan.

Enakmen tanah adat yang terakhir ialah Enakmen Pemegangan Adat (Tanah Lingkungan) Tahun 1960 (CTE 1960). Enakmen ini digunakan bagi mentadbir Tanah Adat Lingkungan di daerah Kuala Pilah sahaja, atau dari segi pentadbiran adat. Enakmen ini meliputi Luak Ulu Muar,

Luak Gunung Pasir dan sebahagian daripada Luak Jempol. Adat Lingkungan ialah adat yang diamalkan oleh masyarakat dalam kalangan keturunan anggota Adat Perpatih yang pernah menjadi tempat semenda, atau keturunan hamba sahaya yang pernah berkhidmat dengan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan (Yamtuhan) berasal daripada Pagar Ruyung, Laras, Kota Pilang, Sumatera Barat dan mengamalkan “Adat Ketemenggungan” (Adzidah Yaakob et al., 2017). Menurut Muzium Negeri Sembilan (2009), Adat Lingkungan ialah hasil daripada interaksi antara Adat Perpatih dengan Adat Temenggung.

Peruntukan untuk mencatatkan kata “Tanah Adat” dalam hak milik tanah diperuntukkan di bawah Seksyen 4(i) CTE 1960. Pentadbir Tanah diberi kuasa untuk mencatatkan kata “Tanah Adat” dan “Tanah Adat Lingkungan” dalam hak milik mana-mana tanah pusaka yang direkodkan dalam Daftar Mukim (tanah yang didaftarkan di bawah hak milik pejabat tanah) melalui undang-undang tanah terdahulu, sekiranya pemilik tanah tersebut ialah seorang perempuan daripada kalangan masyarakat adat.

Kesan paling ketara menerusi penggubalan ketiga-tiga CTE yang mentadbir tanah adat di Negeri Sembilan menurut Adzidah Yaakob et al. (2017) ialah kepentingan tanah adat sebagai pemilikan tetap anggota suku mulai longgar menerusi perubahan konsep pemilikan tanah adat secara hak milik suku kepada lebih berbentuk pemilikan individu. Maznah Mohamad (2016) juga memberikan pendapat yang sama apabila mengkritik ketidakupayaan CTE untuk mengkanunkan semangat dan falsafah pemilikan tanah adat di bawah Adat Perpatih sebagai hak milik bersama dalam suku. Di samping itu, sekiranya semangat sesama suku yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih dinilai, konsep pemilikan tanah secara bersama-sama dan diusahakan bersama-sama dipercayai mula terhapus dengan kewujudan sistem geran yang lebih ke arah pemilikan individu. Sesungguhnya, keadaan ini bertentangan dengan nilai perpaduan yang diasaskan dalam norma kehidupan masyarakat adat, iaitu hukum adat diwujudkan untuk mengekalkan keharmonian.

Pindaan Proaktif Enakmen Tanah Adat 1960

Pada 9 Disember 2022, pindaan CTE 1960 diluluskan melalui Enakmen 20, Enakmen Pemegangan tanah adat Luak Tanah Mengandung dan Tanah Adat Lingkungan 2022. Tujuan pindaan dinyatakan secara jelas kerana Kerajaan Negeri Sembilan mendapati bahawa undang-undang bertulis tersebut perlu dikemas kini dari segi pelaksanaan dan perundangan agar

selari dengan perkembangan pembangunan tanah pada masa ini. Dalam tajuk ringkas, dinyatakan bahawa enakmen ini perlu dibaca bersama-sama Kanun Tanah Negara [Akta 828] (Disemak-2020), iaitu di mana-mana sahaja perkara ini dirujuk secara nyata dalam enakmen ini, tiada apa-apa peruntukan dalam Kanun Tanah Negara tersebut yang boleh dianggap mengatas peruntukan dalam enakmen ini.

Dalam hal ini, terdapat beberapa tafsiran telah diperjelas. Contohnya, “Adat” bermaksud undang-undang Tanah Adat Luak Tanah Mengandung bagi orang Melayu di daerah Kuala Pilah dan Jempol yang terdiri daripada luak yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan merupakan anggota bagi satu daripada suku yang dinyatakan dalam Jadual Kedua. “Kebenaran Lembaga” pula bermaksud kebenaran bertulis yang perlu diperoleh daripada Lembaga atau ketua bagi suku yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga. Seterusnya, “Lembaga” bermaksud mana-mana orang yang dilantik menurut adat atau adat lingkungan untuk mengetuai sesuatu suku, termasuklah yang dilantik untuk memangku tugas sebagai Lembaga sebagaimana peruntukan Seksyen 4. “Tanah Adat Luak Tanah Mengandung” merujuk tanah adat di Luak Tanah Mengandung yang dicatatkan dalam Daftar Mukim dan diendorskan dengan memorial “Tanah Adat” pada dokumen hak milik menurut Seksyen 5 enakmen ini atau mana-mana undang-undang tanah yang terdahulu. Tanah ini didaftarkan atas nama seorang wanita Melayu daripada mana-mana suku yang disenaraikan dalam Jadual Kedua, yang dengan itu dianggap sebagai tanah adat. “Tanah Adat Lingkungan” pula merujuk tanah adat bagi suku Lingkungan yang direkodkan dalam Daftar Mukim serta diendorskan dengan memorial “Tanah Lingkungan” pada dokumen hak milik. Menurut Seksyen 5 enakmen ini atau mana-mana undang-undang tanah terdahulu. Tanah ini didaftarkan atas nama seorang Melayu yang merupakan satu daripada suku yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga. Tafsiran ini perlu diperjelas supaya prosedur urus niaga tanah adat lebih mudah. Contohnya, kebenaran Lembaga wajib diperoleh secara bertulis sebelum sebarang urus niaga, seperti pindah milik atau gadaian, dapat dilaksanakan.

Bagi tujuan pembangunan tanah adat, Seksyen 9(2) CTE 1960 memperuntukan bahawa bagi Tanah Adat Luak Tanah Mengandung, selain kebenaran Lembaga, kebenaran penghuni atau penghuni seumur hidup juga perlu diperoleh sebelum permohonan untuk mengubah syarat, sekatan dan kategori bagi Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan dihantar kepada pihak berkuasa negeri. Dalam Seksyen 9(1), dinyatakan bahawa sebarang permohonan pemilik berdaftar

Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan boleh dihantar kepada pihak berkuasa negeri untuk mengubah syarat, sekatan dan kategori tanah dengan syarat permohonan dilakukan setelah mendapat kebenaran Lembaga seperti yang ditetapkan dalam kaedah ini. Seksyen ini juga mensyaratkan pemohon untuk mematuhi peruntukan berkenaan perubahan syarat, sekatan dan kategori dalam Kanun Tanah Negara [Akta 828].

Dalam Seksyen 11(1) CTE 1960, dinyatakan bahawa mana-mana Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan yang dipegang oleh dua atau lebih pemilik bersama boleh dipecah bahagian tertakluk pada subseksyen (2) dan peruntukan berkenaan pecah bahagian tanah dalam Kanun Tanah Negara [Akta 828]. Dalam Seksyen 11(2) CTE 1960, diperuntukan bahawa Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan boleh dipecah bahagian dengan syarat seperti yang berikut:

- a) telah mendapat kebenaran Lembaga;
- b) mendapat persetujuan semua pemilik bersama; dan
- c) tiada penghuni seumur hidup yang didaftarkan bagi Tanah Adat Luak Tanah Mengandung yang hendak dipecah bahagian tersebut.

Yang seterusnya, dalam Seksyen 11(3), dinyatakan hak milik sementara dan hak milik kekal yang diberikan di bawah seksyen ini hendaklah mempunyai endorsan memorial “Tanah Adat” atau “Tanah Lingkungan”.

Melalui Seksyen 12 (1) CTE, dinyatakan bahawa mana-mana dua atau lebih lot Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan yang berdampingan boleh disatukan tertakluk pada subseksyen (2) dan peruntukan berkenaan penyatuan tanah dalam Kanun Tanah Negara [Akta 828]. Lot Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan hanya boleh disatukan di bawah seksyen ini jika:

- a) pemilik berdaftar lot bagi Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan yang berdampingan ialah pemilik yang sama;
- b) lot tanah yang berdampingan dengan Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan ialah Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan daripada suku yang sama;
- c) mana-mana lot Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan tersebut terletak dalam mukim, pekan atau bandar yang sama;

- d) keluasan tanah, jika disatukan, tidak melebihi empat hektar; dan
- e) kebenaran Lembaga telah diperoleh.

Seksyen 12(3) juga mensyaratkan pengendorsan “Tanah Adat” atau “Tanah Lingkungan”. Dalam Seksyen 13(1) pula, dinyatakan bahawa pihak Berkuasa Negeri boleh meluluskan penyerahan balik satu atau lebih Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan yang berdampingan yang dipegang oleh pemilik berdaftar yang sama atas terma, iaitu bahagian tertentu dalam tanah tersebut diberikan milik semula dengan serta-merta kepada pemilik berdaftar dengan bahagian dan unit atau dalam unit yang berlainan. Syaratnya, memorial “Tanah Adat” atau “Tanah Lingkungan” hendaklah diendorskan semula sebagai hak milik sambungan dan status asal Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan hendaklah dikekalkan.

Melalui Seksyen 13(2), disyaratkan bahawa sebarang permohonan untuk kelulusan penyerahan balik dan pemberimanilikan semula mana-mana Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan hendaklah dikemukakan secara bertulis kepada Pentadbir Tanah dengan mengikut peruntukan dalam Kanun Tanah Negara (Akta 828) dan hendaklah mendapat kebenaran Lembaga. Syaratnya, bagi Tanah Adat Luak Tanah Mengandung, tiada penghuni atau penghuni bersama seumur hidup yang didaftarkan atas tanah tersebut.

Pindaan yang dilakukan yang berkaitan dengan hak untuk membangunkan tanah adat adalah komprehensif yang juga menggunakan peruntukan Akta 828. Walaupun pindaan ini menjadi platform undang-undang untuk memberikan ruang supaya tanah adat dimajukan, ciri tanah adat itu sendiri yang hanya membenarkan wanita menjadi tuan tanah berdaftar menyebabkannya amat sukar untuk dilaksanakan. Di samping hak pemilikan yang amat terhad untuk wanita dan suku yang sama, permohonan untuk mengubah syarat tanah, sekatan atau kategori tanah sering tertakluk pada aspek perancangan dan zon kawasan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa perancang. Pihak berkuasa perancang, seperti badan tempatan atau agensi perancangan negara, mempunyai peranan penting dalam penetapan peraturan perancangan tempatan yang merangkumi zon kawasan untuk pelbagai jenis penggunaan tanah. Proses perancangan ini biasanya melibatkan pelaksanaan pelan tempatan atau pelan induk yang merangkumi kawasan yang diperuntukkan untuk kegunaan, seperti perumahan, perdagangan, industri, pertanian dan konservasi alam.

Apabila seseorang itu memohon untuk mengubah syarat tanah, mengeluarkan sekatan atau mengubah kategori tanah, permohonan

tersebut perlu selaras dengan peraturan perancangan tempatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa perancang. Hal ini bermakna bahawa permohonan tersebut harus mematuhi zon kawasan yang telah ditetapkan dalam pelan perancangan, serta memenuhi keperluan yang ditetapkan untuk jenis penggunaan tanah yang dikehendaki. Oleh hal yang demikian, permohonan untuk ubah syarat tanah, sekatan atau kategori tanah sering menjadikan suatu proses kompleks yang melibatkan pertimbangan aspek perancangan dan zon kawasan oleh pihak berkuasa perancang. Kelulusan untuk perubahan tersebut bergantung pada kepatuhan permohonan tersebut terhadap peraturan dan dasar perancangan yang ditetapkan. Bagi tujuan pembangunan, seperti penjualan rumah atau lot tanah yang telah ditukar kepada kategori bangunan, tanah tersebut akan dipecah sempadan terlebih dahulu sebelum dijual kepada pembeli yang berminat. Proses ini menjadikan tanah adat dipecah menjadi lot kecil dan dipindah milik kepada pembeli. Namun begitu, penjualan menjadi amat sukar atau tanah itu tidak dapat dijual kerana syaratnya bukan sahaja wanita, tetapi perlulah daripada suku yang sama. Oleh itu, bagi tanah adat, syarat tuan tanah, iaitu hanya wanita daripada suku yang sama, menjadikan syarat itu tidak praktikal dan sukar, baik dari segi undang-undang atau ekonomi dan sosial.

Pindaan terhadap CTE 1960 Tanah Lingkungan juga melibatkan seksyen spesifik yang berkaitan dengan urus niaga tanah adat. Dalam Seksyen 15(1), urus niaga yang berupaya dikuatkuasakan di bawah enakmen ini mengenai Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan dan kepentingannya hendaklah terdiri daripada pindah milik, pajakan, sewaan bebas pendaftaran, gadaian dan esmen. Melalui Seksyen 16(1), dinyatakan bahawa tiada mana-mana Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan boleh dipindah milik kepada mana-mana orang, selain anggota perempuan daripada suku dalam Jadual Kedua bagi Tanah Adat Luak Tanah Mengandung dengan kebenaran Lembaganya, atau anggota suku dalam Jadual Ketiga bagi Tanah Adat Lingkungan dengan kebenaran Lembaganya.

Di samping itu, dalam Seksyen 21(1), dinyatakan bahawa pemilik berdaftar Tanah Adat Luak Tanah Mengandung atau Tanah Adat Lingkungan boleh menggadai tanah tersebut dengan kebenaran Lembaga masing-masing, kepada:

- a) mana-mana institusi kewangan; dan
- b) mana-mana badan yang diberikan kuasa secara nyata di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa yang dinyatakan dalam Jadual Keempat enakmen ini.

Urus niaga pindah milik dan gadaian ialah dua kaedah urus niaga yang boleh dilakukan oleh tuan tanah bagi memperolehi hasil daripada tanahnya. Namun begitu, Puan Maishi'ah Haji Hassan, peguam dari suku Batu Hampar Seri Menanti yang memiliki Tanah Adat Lingkungan berpandangan bahawa urus niaga menjual tanah adat dan memindah milik tanah tersebut merupakan suatu stigma dalam kalangan ahli suku Adat Perpatih. Penjualan tanah adat tidak digalakkan oleh ahli suku, Buapak dan Lembaga kerana tanah adat ialah warisan suci yang diturunkan daripada nenek moyang dan perlu dipelihara, bukan dijual dan dipindah milik kepada rumpun suku yang luar daripada adik-beradik. Menurut beliau, Buapak enggan membentarkan tanah adat diturun milik kepada anak perempuan, sekiranya ibunya masih hidup untuk mewarisi tanah tersebut daripada pusaka nenek. Pandangan ini jelas menjadi batu penghalang terhadap urus niaga pindah milik.

Urus niaga gadaian ialah kaedah apabila tanah adat dijadikan sebagai sekuriti untuk pinjaman yang dilakukan oleh tuan tanah atau mana-mana entiti. Tujuan utama tanah adat digadaikan adalah untuk menjamin pembayaran penuh dilakukan oleh peminjam. Sekiranya pembayaran semula pinjaman gagal dilakukan, tanah yang digadai boleh dilelong. Ainul Jaria (2013) berpandangan bahawa pasaran tanah adat di Negeri Sembilan lebih rendah kerana kekangan yang mengehadkan tuan tanah hendaklah terdiri daripada wanita daripada suku yang sama. Atas alasan ini, institusi kewangan atau organisasi pemberi pinjaman tidak berminat untuk menjadikan tanah adat sebagai sekuriti. Platform undang-undang ini proaktif, tetapi pelaksanaannya perlu diberikan pertimbangan sewajarnya. Dalam urus niaga gadaian, pihak bank selaku pemberi pinjaman akan melelong tanah yang digunakan sebagai sekuriti sekiranya berlaku tunggakan. Sekiranya tanah adat digunakan sebagai sekuriti, lelongan amat sukar dilakukan kerana kekangan pemilikan berdaftar, iaitu dihadkan pada hanya wanita. Selain pertimbangan undang-undang, faktor ekonomi dan sosial juga faktor penting sebelum institusi kewangan bersetuju untuk menerima tanah adat sebagai sekuriti dan mendaftarkan gadaian.

Dalam Seksyen 19(1) dan Seksyen 20, kebenaran diberikan kepada tuan tanah untuk memberikan pajakan dan sewaan. Seterusnya, melalui Seksyen 23, Ismen dibenarkan diwujudkan di atas tanah adat. Namun begitu, ketiga-tiga urus niaga ini mensyaratkan kebenaran Lembaga masing-masing. Pajakan dan Ismen ialah urus niaga yang dilakukan tanpa memerlukan pemindahan hak milik tanah, tetapi sekadar pemindahan

kepentingan atau posesi tanah yang diberikan kepada penerima pajakan atau tuan tanah dominan atau penyewa. Oleh itu, urus niaga ini lebih praktikal untuk dilaksanakan, terutamanya bagi tujuan pembangunan tanah adat yang lebih berkesan.

Secara umumnya, walaupun pelaksanaan pindaan CTE 1960 bakal berhadapan dengan jalan yang sukar akibat kekangan pemilikan berdaftar yang hanya terdiri daripada wanita dan keperluan kebenaran bertulis daripada Ketua Adat, usaha proaktif kerajaan Negeri Sembilan perlu diberikan pujian dan menjadi usaha permulaan ke arah masa hadapan Tanah Adat Luak Tanah Mengandung dan Tanah Lingkungan.

Tanah adat ialah aset yang amat bernilai bagi pemilik tanah, iaitu wanita, selain mengangkat martabat wanita itu sendiri. Oleh itu, seharusnya, pihak masyarakat Adat Perpatih dan Ketua Adat, seperti Buapak, Penghulu dan Orang Besar Adat, boleh bermuafakat untuk membangunkan tanah adat. Tanah adat perlu dimanfaatkan kerana tanah ini bukan sekadar lambang kemegahan bagi tuan tanah, tetapi menjadi alat yang boleh digembleng menjadi aset yang dapat membangunkan ekonomi keluarga dan masyarakat Adat Perpatih secara keseluruhannya. Muafakat ini dapat direalisasikan melalui penubuhan koperasi berdaftar, wakaf atau pembangunan kelompok yang lebih mapan. Ketua Adat dan tuan tanah berdaftar tanah adat juga perlu bekerjasama dengan agensi kerajaan setempat, seperti Kementerian Luar Bandar, untuk memajukan tanah adat secara sistematik dan berkesan. Di samping urus niaga yang dibenarkan seperti dalam pindaan terbaru ini, rancangan ekopelancongan juga boleh dilaksanakan kerana Adat Perpatih ialah sistem masyarakat yang unik dan masih kekal sehingga hari ini. Tanah adat juga boleh dijadikan platform yang ideal untuk mendedahkan penduduk tempatan dan penduduk luar tentang keenakan gulai masak lemak cili api.

KESIMPULAN

Penggunaan adat dan undang-undang moden dalam urusan yang berkaitan dengan tanah merupakan keunikan yang diamalkan di Negeri Sembilan. Kesinambungan antara undang-undang moden dengan Adat Perpatih dapat dilihat dengan sangat jelas dalam aspek pewarisan tanah adat. Peranan kaum wanita sangat penting dalam pewarisan tanah adat. Mualimin Mochammad Sahid (2018) berpandangan bahawa pewarisan dan pendaftaran tanah adat di Negeri Sembilan yang hanya terhad pada perempuan mampu menjaga hak wanita jika berlaku perkara yang tidak

diingini, seperti perceraian atau kematian suami. Di samping itu, sistem ini memuliakan wanita dengan memberikan kelebihan yang unik seperti dalam hak pewarisan tanah adat. Tanah adat yang menjadi harta pusaka ini, iaitu tanah kampung, tanah sawah dan rumah adat ini diamanahkan kepada wanita dan susur galurnya. Oleh itu, sebarang urus niaga hendaklah dilakukan dengan keizinan Lembaga (Setiyawan Gunardi, 2017). Walaupun terdapatkekangan undang-undang untuk membangunkan tanah adat, Nur Amira Azaldin dan Mat Noor Mat Zain (2018) berpendapat bahawa terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dilaksanakan terhadap tanah adat yang terbiar, seperti pertanian, penternakan dan pembangunan bagi memberikan kemudahan infrastruktur kepada masyarakat lain. Ainul Jariah Maidin et al. (2013) menegaskan bahawa pemimpin institusi adat perlu bersedia untuk mengubah undang-undang dan membantu kerajaan membangunkan tanah adat kategori tanah pertanian daripada terus terbiar. Tanah adat di Negeri Sembilan masih dikenalkan di bawah kategori pertanian dan terletak di luar bandar. Walau bagaimanapun, dengan pertumbuhan pesat dalam aspek pembangunan dan perbandaran, tanah adat sering berada di bawah tekanan untuk dibangunkan. Hal ini merupakan cabaran untuk menyeimbangkan antara keperluan pembangunan moden dengan kepentingan untuk melestarikan warisan budaya dan alam sekitar. Selaku tuan tanah berdaftar, wanita perlu disokong dan dibantu oleh semua pihak, pemimpin institusi adat dan agensi kerajaan, untuk memastikan tanah adat tetap kekal utuh menjadi kebanggaan penduduk di Negeri Sembilan. Oleh itu, kedudukan wanita sebagai tuan tanah berdaftar tanah adat bukanlah suatu kedudukan yang sia-sia atau tidak bermakna kerana berupaya menggunakan dan memanfaatkan tanah tersebut mengikut peruntukan adat dan undang-undang.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Fakulti Undang-undang Universiti Teknologi MARA dan pihak YTM Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan Dato' Muhammed Haji Abdullah Dato' Undang Luak Johol dan pihak di Balai Undang Luak Johol atas kesudian memberikan kerjasama ketika melakukan penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Noraziah Abu Bakar: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, analisis doktrinal yang berkaitan dengan undang-undang tanah, penginterpretasian hasil, penulisan makalah, penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir, penghantaran manuskrip akhir, dan pengesahan makalah akhir; Ikmal Hisham Md Tah: Penulisan makalah, penyediaan makalah akhir; Mohd Nazim Ganti Shaari: Penulisan makalah, penyediaan makalah akhir.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Pengarang mengesahkan bahawa sebarang data yang digunakan bagi menyokong hasil kajian terkandung dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisyiharkan.

RUJUKAN

- Abd Aziz Bari. (2016). *Perlembagaan Malaysia: Suatu pengenalan* (edisi kedua). Ilham Books
- Abd Murad. (2017). Pembangunan tanah adat di Negeri Sembilan: Halatuju dan cabaran. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5(1). <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol5no1.50>
- Adibah Awang, & Shahidah Mohd Ariff. (2009, 23–26 Mei). Adat land laws in Malaysia [Pembentangan kertas kerja]. *3rd UN-Sponsored Permanent Committee on GIS for Asia and the Pacific (PCGIAP): Land Administration Forum—Re-Engineering the Cadastre to Support E-Government*, Tehran, Iran.
- Adzidah Yaakob, Hendun Abd Rahman Shah, Suraiya Osman, Abidah Abd Ghafar, Norfadhilah Mohd Ali, Farah Salwani Muda, Dina Imam Supaat, Syahirah Abdul Shukor, Arif Fahmi Md Yusof, & Normala Basir. (2017). Dinamika undang-undang tanah adat di Negeri Sembilan: Kajian perkembangan dan isu undang-undang. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5(1). <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol5no1.45>

- Ainul Jariah Maidin, Siti Mariam Zubaidah, & Norazlina Mohd Yasin. (2013). Enhancing value of customary land: A case study of Negeri Sembilan. *Jurnal Media Hukum*, 20(1), 1–10.
- Azima Abdul Manaf, (2009) Masalah dan cabaran tanah adat tanah adat Minang di dunia Melayu Malaysia dan Indonesia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 5(1), pp. 69-78. ISSN 2180-2491.
- Fakhrur Razi Maamor, & Basithah Taif. (2019). Analisis visual buah buton di Luak Tanah Mengandung, Negeri Sembilan sebagai simbol organisasi sosial dalam masyarakat Adat Perpatih. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 3(2), 229–243.
- Harding, A. (1996). *Law, Government and the constitution in Malaysia*. Kluwer Law International.
- Makiah Tussaripah Jamil. (2012). *Kajian Adat Perpatih di Negeri Sembilan: Satu tinjauan menurut perspektif Islam*. Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CTU), Universiti Teknologi MARA.
- Malinowski, B. (1922). Ethnology and the study of society. *Economica*, 6, 208–219.
- Mat Noor Mat Zain, Nur Amirah Azaldin, & Azlin Alisa Ahmad. (2022). Perubahan status Tanah Adat tanah adat di Negeri Sembilan menurut perspektif Islam. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 7(2), 1–10.
- Maznah Mohammad. (2016). The Customary Tenure Enactment and Matrilineal Land Rights in Negeri Sembilan. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 89(1 (310)), 15–34. Maznah Mohammad. (2016). The customary tenure enactment and matrilineal land rights in Negeri Sembilan. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 89(1), 15–34. <https://www.jstor.org/stable/26527735>
- Mohd Rosli Saludin, & Ahmad Bazri Mokhtar, (2022) *Sejarah Adat Perpatih Seri Menanti*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. UKM Bangi Malaysia.
- Mualimin Mochammad Sahid. (2018). Pembangunan Adat Perpatih patuh syariah di Malaysia:, Satu tinjauan awal. Dalam Mualimin Mochammad Sahid, Azman Ab. Rahman & Mohamad Ikwan Hami (Penyunting), *Adat Perpatih berpandukan syariah: Amalan di Negeri Sembilan dan Minangkabau* (hlm. 1–18). ISBN 978-967-14692-5-5, NAMS Publication, Malaysia.
- Nabilah Yusof, Mohammad Zaharuddin Zakaria, Tengku Mansur Tengku Zainal Abidin, Che Zulzikran Che Zulkifli, Siti Zubaidah Ismail, & Siti Rashidah Md Sakip. (2015, November). Amalan pewarisan tanah adat berdasarkan undang-undang tanah adat di kalangan masyarakat: Kajian di Negeri Sembilan [Pembentangan kertas kerja]. *International Seminar on Syariah and Common Law* (ISCOL), Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia.
- Nadzan Haron, Jemal Zainal Kasim, & Khalid Bonget. (2010). *Tanah adat: Pemangkin Adat Perpatih Negeri Sembilan kini* (hlm. 16). Lembaga Muzium Negeri Sembilan.

- Negeri Sembilan. (1909). Customary Tenure Enactment 1909. Enactment of Negeri Sembilan.
- Negeri Sembilan. (1960). Customary Tenure Enactment 1960. Government Printer.
- Norhalim Haji Ibrahim. (1984, 3–5 Mei). Sistem masyarakat adat Negeri Sembilan [Pembentangan kertas kerja]. *Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan*, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, Selangor.
- Nur Amirah Azaldin, & Mat Noor Mat Zain. (2018). Isu status kedudukan Tanah Adat tanah adat Perpatih di Negeri Sembilan: Perspektif syarak dan undang-undang. *Jurnal Pentadbiran LAND*, 2(1), 75–92.
- Savigny, F. C. von. (1831). *Of the vocation of our age for legislation and jurisprudence* (A. Hayward, Penterjemah.). Littlewood. (Karya asal diterbitkan pada 1814).
- Setiyawan Gunardi, Mualimin Mohammad Sahid, Amir Husin Mohd Nor, Azman Ab. Rahman, Muneer Ali Abdul Rab, Mahmoud Mohamed Ali, Fithriah Wardi, Nik Rahim Nik Wajis, & Mohamad Ikwan Hami. (2017). Konsep al-‘adah muhakkamah dalam pewarisan tanah adat menurut Adat Perpatih di Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 5(2), 161–177. <https://doi.org/10.12816/0051373>